



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 2 2025: 105-116

Submission date: 03.02.2025 Accepted date: 10/02/2025 Published date: 01/03/2025

**Keseimbangan Dakwah Terhadap
Saudara Baru Dan Golongan Asnaf Di Malaysia:
Satu Tinjauan Dari Perspektif Psikologi
(*The Balance of Da'wah Towards
New Converts and Asnaf Groups in Malaysia:
A Review from a Psychological Perspective*)**

**Kartina Sari Abd Karim
Universiti Sains Malaysia**

***Corresponding author: kartinasarikarim@student.usm.my**

Abstrak

Saudara baru dan golongan asnaf tidak asing lagi di Malaysia. Mereka merujuk kepada kelompok minoriti yang wajar diberikan keutamaan dalam agenda dakwah tanah air. Langkah memperkukuhkan bantuan dan bimbingan kepada mereka adalah penting sama ada dari sudut keagamaan mahupun dari aspek kelangsungan hidup. Saudara seagama harus tampil ke hadapan dan memberi sokongan penuh kepada mereka dengan apa jua cara yang boleh. Usaha dakwah yang terhad ditambah pula dengan isu kemiskinan menjadi antara persoalan yang sering dibangkitkan dalam kalangan para sarjana. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keseimbangan pendekatan dakwah kepada saudara baru dan golongan asnaf di negara kita dari perspektif psikologi. Pengumpulan data secara kualitatif telah disempurnakan dengan menjalankan kajian literatur dan dokumentasi maklumat daripada perpustakaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembawakan dakwah terhadap saudara baru perlu sentiasa diseimbangkan dengan penyampaian dakwah terhadap golongan asnaf. Pendekatan dakwah terhadap saudara baru dan golongan asnaf amat berpotensi untuk membangunkan sudut psikologi mereka. Kajian

mengenai dakwah dan psikologi ini akan dapat dimanfaatkan oleh para sarjana dan pengkaji dakwah pada masa hadapan bagi memastikan kewajipan berdakwah kepada saudara baru dan usaha membantu golongan asnaf di negara kita akan sentiasa berada dalam fasa kemajuan.

Kata Kunci: keseimbangan dakwah, saudara baru, golongan asnaf, psikologi

Abstract

New converts and the *asnaf* group are not unfamiliar with Malaysia. They represent minority groups that should be prioritized in the country's da'wah agenda. Strengthening their assistance and guidance is essential, both from a religious perspective and for their livelihoods. Fellow Muslims must step forward and offer their full support in any way possible. The limited da'wah efforts, combined with the issue of poverty, are among the concerns frequently raised by scholars. Therefore, this study examines the balance of da'wah approaches toward new converts and the *asnaf* group in our country from a psychological perspective. Data collection through qualitative methods has been conducted by performing a literature review and gathering information from library documentation. The study's findings indicate that delivering da'wah to new converts must consistently be balanced with da'wah efforts for the *asnaf* group. The da'wah approach toward new converts and the *asnaf* group has significant potential to enhance their psychological well-being. Research on da'wah and psychology can benefit scholars and da'wah researchers in the future, ensuring that the obligation to spread da'wah to new converts and the effort to assist the *asnaf* group in our country continues to progress.

Keywords: the balance of da'wah, revert, *asnaf* group, psychology

Pendahuluan

Dari sudut bahasa, kalimah dakwah merupakan perkataan Bahasa Arab yakni يدعو yang turut disinonimkan dengan terma دعا, يدعو dan دعوة yang bermaksud seruan, panggilan dan undangan ('Abd al-Karim Zaidan,

1992). Oleh itu, dakwah dapat diertikan dengan ajakan atau jemputan bagi memenuhi sesuatu tujuan dengan maksud tertentu, bersesuaian dengan maksud dakwah itu sendiri yang merupakan sejenis kata kerja (اسم الفاعل) seperti firman Allah SWT berikut:

Terjemahan: *“Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan mengerjakan kebajikan dan berkata, “Sungguh, aku termasuk orang-orang muslim (yang berserah diri)?””* (Surah Fussilat, 41:33)

Dari sudut istilah pula, dakwah merupakan suatu seruan ke jalan Allah SWT (Moh. Ali Aziz, 2004). Takrifan ini dapat difahami melalui tadabbur ayat di bawah:

Terjemahan: *“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (Muhammad) tentang Aku, maka sesungguhnya Aku dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Hendaklah mereka itu memenuhi (perintah)-Ku dan beriman kepada-Ku, agar mereka memperoleh kebenaran.”* (Surah Al-Baqarah, 2:186)

Justeru itu, dakwah ialah suatu ajakan kepada agama Islam yang wajib dilaksanakan bagi menyeru kepada keimanan yang sebenarnya.

Dakwah terhadap masyarakat Cina, India, kaum peranakan serta suku kaum di Sabah dan Sarawak merupakan suatu rangka dakwah saudara baru di Malaysia. Menurut Anuar Puteh (2005), saudara baru ditakrifkan sebagai mereka yang telah mengucapkan lafaz syahadah dan harus dibimbing dan diberikan perhatian oleh saudara Muslim yang bertauliah. Dalam bahasa mudah, saudara baru ialah orang yang baru memeluk Islam. Saudara baru juga dikenali sebagai muallaf seperti yang termaktub dalam ayat berikut:

Terjemahan: *“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah, dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajipan*

daripada Allah. Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana”.
(Surah At-Taubah, 9:60)

Walaupun terdapat pelbagai persepsi masyarakat terhadap penggunaan istilah saudara baru dan muallaf, namun penerimaan kita adalah lebih diutamakan kerana tiada yang dapat membezakan seseorang melainkan ketakwaan. Kehadiran saudara baru dalam masyarakat Muslim sedia ada menjadi petanda yang baik bahawa usaha dakwah di negara kita perlu digiatkan dan diperluaskan dari semasa ke semasa.

Golongan asnaf yang dinyatakan dalam surah Al-Taubah (9) ayat 60 di atas juga dikenali sebagai sekumpulan kecil dalam kalangan muslimin dan muslimat yang layak menerima zakat. Mereka terdiri daripada golongan fakir, orang-orang miskin, amil-amil, golongan saudara baru, riqab, gharimin, golongan fisabilillah dan orang-orang yang bermusafir yang terputus bekalannya. Zakat yang diberikan kepada golongan asnaf bukanlah suatu bentuk bantuan ihsan semata-mata malah membawa pengertian yang luas dan tersendiri. Hal ini demikian kerana zakat dapat menyucikan harta dan menyingkirkan sifat-sifat kedekut dan bakhil bagi si pemberi sementara bagi penerima zakat pula dapat menghalang mereka daripada berprasangka buruk atau berhasad dengki terhadap orang kaya (Fuadah, 2004). Selain daripada sumber agihan zakat, golongan asnaf turut dibantu melalui pemberian sedekah, hadiah dan wakaf sebagai suatu bentuk pengagihan semula dalam sistem ekonomi Islam.

Walaupun zakat telah diperuntukkan kepada kelapan-lapan golongan asnaf di atas, namun kelompok fakir dan miskin secara jelasnya menerima agihan zakat yang lebih berbanding kumpulan asnaf yang lain. Senario ini menunjukkan bahawa masalah kemiskinan masih berakar umbi dalam masyarakat kita walaupun pelbagai inisiatif dan bantuan rakyat telah disediakan oleh pihak kerajaan mahupun swasta dari semasa ke semasa. Masalah kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, taraf pendidikan yang rendah, kesempitan harta benda, masalah kesihatan, sumber makanan dan pakaian yang terhad, tempat tinggal yang tidak selesa dan tiada pekerjaan yang tetap merupakan isu yang perlu dibendung dengan sewajarnya (Norzita et.al, 2014). Konsep kemiskinan sangat berkait dengan golongan asnaf yang rata-ratanya tidak mampu memenuhi keperluan asas apatah lagi menikmati kemudahan sosial walaupun pada tahap yang minimum (Nurazynie, 2019). Krisis sosioekonomi ini jika tidak

dikawal dan dibendung akan membantutkan peluang pendidikan anak-anak dan memungkinkan kemiskinan diwarisi secara kekal.

Bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam dakwah saudara baru di negara kita, maka wajarlah kita berbalik kepada apa yang telah disyariatkan dalam agama. Hukum melaksanakan tuntutan dakwah adalah wajib ke atas setiap individu Muslim. Allah SWT berfirman:

Terjemahan: “*Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.*” (Surah Ali-Imran, 3:104)

Perintah “*yad’una ilal khair*” di dalam ayat di atas bukan sahaja tertumpu kepada sesetengah kelompok umat Islam malah merujuk kepada setiap orang mukmin yang *mukalaf* (Ahmad Sonhadji, 1989). Apabila seseorang sudah mencapai akil baligh serta sempurna akal fikirannya, maka kewajipan melaksanakan *amar makruf* dan *nahi mungkar* telah dipertanggungjawabkan ke atasnya. Sebagaimana kita diperintahkan untuk mendirikan solat, berpuasa dan mengeluarkan zakat maka begitulah juga halnya dengan tugas dakwah para *anbiya’* ini. Setiap daripada kita berperanan untuk mengisi jiwa-jiwa yang kosong dengan ajakan keimanan dan ketauhidan kepada Allah SWT.

Oleh hal yang demikian, kita seharusnya menyokong segala usaha dakwah yang dijalankan oleh mana-mana individu atau pertubuhan dakwah di sekeliling kita. Usaha mereka patut dipuji kerana banyak masa, tenaga dan wang ringgit yang telah dikorbankan selama ini semata-mata untuk kepentingan dakwah. Agenda dakwah sentiasa diutamakan agar keindahan ajaran Islam dapat dikongsikan secara berterusan dengan masyarakat berbilang kaum di negara kita. Pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan boleh disalurkan kepada badan-badan dakwah tanah air supaya gerak kerja dakwah yang diusahakan dapat dijamin kelangsungannya. Dengan demikian, tiada seorang Muslim pun yang tidak menjalankan *amar makruf* dan *nahi mungkar* dan tiada seorang pun dalam kalangan masyarakat setempat yang tidak menerima seruan keimanan kepada Allah SWT.

Selain itu, pendekatan dakwah yang dipilih tidak dapat lari daripada mempertimbangkan kemaslahatan golongan sasaran serta suasana

persekitaran yang menyelubungi hidup mereka. Pendekatan psikologi yang digunakan dalam memperjuangkan nasib golongan asnaf termasuk masyarakat bukan Islam yang hidup dalam serba kekurangan dapat memberikan impak kepada dunia dakwah. Bertepatan dengan maksud psikologi yang merujuk kepada kajian secara saintifik mengenai perlakuan dan proses-proses minda, setiap individu Muslim harus tampil dengan pendekatan psikologi dalam kerangka dakwah yang diusahakan. Psikologi berupaya merungkai dan menjelaskan tingkah laku manusia serta jangkaan yang dapat dikenal pasti dalam mengubah sikap kepada ciri-ciri manusiawi yang lebih baik (Olusola Ayandele, 2016). Dengan itu, segala kelebihan yang ada dapat dimanfaatkan secara optimum untuk kemaslahatan umat di samping membangunkan perspektif dalaman individu sebagai pendakwah yang bersifat kolektif untuk kejayaan di dunia dan akhirat.

Justeru, penulisan ini bertujuan untuk memfokus dan membincangkan mengenai keseimbangan dakwah yang sepatutnya dilaksanakan terhadap pembangunan saudara baru dan golongan asnaf di negara ini. Metode kajian yang digunakan ialah kajian yang berbentuk kualitatif. Ia merujuk kepada metode analisis kandungan yang di antaranya menganalisis karya dan penulisan para sarjana dan agamawan mengenai dakwah, mengkaji sumber media massa, media sosial dan sebagainya. Pengumpulan data melalui analisis kandungan dapat memberi maklumat yang relevan kepada permasalahan dan isu yang dikaji. Perbincangan turut diolah mengenai sejauhmana pendekatan pendakwah pada era ini dalam bentuk misi kemanusiaan yang bukan sahaja memanfaatkan saudara baru dan golongan asnaf malah terhadap semua lapisan masyarakat yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama di tanah air kita.

Perbincangan

Dalam usaha menyemarakkan dakwah terhadap golongan saudara baru dan golongan asnaf, setiap individu Muslim perlu sentiasa bersumberkan firman Allah SWT berikut:

Terjemahan: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhan-mu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan

Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.”
(Surah An-Nahl, 16:125)

Pendekatan dakwah dapat dikelaskan kepada tiga jenis *thoriqah dakwah* yang lain. Yang pertama ialah *dakwah qauliyah* yang bererti dakwah secara lisan (*dakwah bil lisan*). Gerakan dakwah Islam dapat dilakukan melalui komunikasi harian ketika bermuamalah dengan masyarakat *non-Muslim*. Perbincangan mengenai konsep ketuhanan, ritual peribadatan serta persoalan halal dan haram boleh diadakan secara santai bagi memupuk kesefahaman dan toleransi antara satu sama lain. Dengan itu, hal-hal mengenai kepercayaan dan agama dapat disebut secara meluas malah ia tidak lagi menjadi topik sensitif dalam perbualan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita.

Penyebaran dakwah melalui media cetak telah lama dimanfaatkan dalam sejarah ketamadunan dan peradaban manusia di mana ilmu dipelajari dan disebar luaskan sebelum ketibaan era teknologi maklumat. Sarana dakwah pada masa ini amat menuntut agar dihidupkan *dakwah kitabiyah* yakni berdakwah melalui penulisan dan mata pena. Menurut Mohd Nazif Badruddin (2017), penggunaan media sosial dalam penyebaran dakwah menjadi medium pelengkap kepada media massa memandangkan ciri-cirinya yang lebih interaktif bagi menggantikan cara lama yang lebih bersifat konvensional. Mesej-mesej dakwah dapat dikongsikan secara maya menggunakan platform Facebook, Instagram, Tweeter dan Telegram sejajar dengan gaya hidup masa kini. Pencarian dan perolehan maklumat bukan sahaja dapat diakses dengan mudah malah ilmu-ilmu baru dapat dikongsikan serta-merta. Mesej-mesej dakwah yang disertakan dengan foto yang bersesuaian dapat meninggalkan kesan dakwah yang signifikan serta besar pengaruhnya kepada pembaca.

Perjalanan dakwah yang bersifat holistik dapat direalisasikan dengan sentiasa menghidupkan *dakwah fi'liyah*. *Fi'liyah* berasal daripada kata dasar *fi'l* yang didefinisikan sebagai kata kerja yang merujuk kepada perbuatan, tindakan atau perlakuan. Maka, *dakwah fi'liyah* adalah segala bentuk gerak-geri yang dilakukan untuk mencapai tujuan dakwah itu sendiri. Medologi dakwah seperti ini juga dikenali sebagai *dakwah bil hal* yang dapat dibangunkan dari sudut akhlak, khidmat dan prasarana (Azizul Azra et.al, 2018). Dakwah melalui suri tauladan menjadi asas kekuatan dakwah setiap orang Islam yang sentiasa diterjemahkan dalam tindakan

nyata bagi segenap dimensi kehidupan. Setiap kelakuan dan tindak-tanduk individu Muslim dalam muamalah harian berpotensi besar untuk dijadikan asbab hidayah kepada orang lain. Pembawakan akhlak yang mulia akan menatijahkan penerimaan mesej dakwah secara tidak langsung oleh masyarakat bukan Melayu dan sekaligus menjadi daya tarikan kepada mereka untuk mengenali Islam.

Tidak sempurna sesuatu pelaksanaan dakwah apabila kebajikan golongan yang didakwahkan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya sama ada dari aspek rohani atau jasmani. Oleh itu, tanggungjawab membantu golongan yang memerlukan lebih-lebih lagi kepada saudara bukan Muslim yang lemah menjadi salah satu agenda Mukmin sejati. Khidmat bantuan sosial bukan hanya dihulurkan kepada mereka yang dhaif malah turut diperluaskan kepada individu-individu yang terkesan akibat penularan wabak, bencana alam dan kecelakaan seperti kebakaran dan kemalangan jalan raya. Dorongan praktikal dakwah yang kuat sebegini sedikit sebanyak dapat memperkenalkan Islam kepada mereka melalui bantuan khidmat dan prasarana yang disediakan secara tekal dari semasa ke semasa. Tuntasnya, pendekatan dakwah yang dijelaskan di atas dapat diterjemahkan secara praktikal melalui sudut tinjauan psikologi yang mengupas perbincangan dakwah ini dari aspek kemanusiaan.

Sebagai pendakwah yang berpandangan jauh, banyak pemerhatian harus dilakukan ke atas golongan sasaran. Pemerhatian yang dimaksudkan di sini adalah melihat bukan sekadar dengan pandangan mata tetapi melihat dengan menggunakan hati nurani. Penelitian yang dilakukan mendapati bahawa kebanyakan masalah sosial didorong oleh faktor persekitaran. Masalah kesempitan hidup yang dilalui ialah sejenis rangsangan yang akan mencetuskan suatu tindak balas yang lain seperti keciciran dalam pelajaran, masalah tingkah laku dan jenayah. Apabila sesuatu keadaan yang mempengaruhi manusia berjaya dikawal maka, tindak balas dengan perlakuan tertentu dapat diperhatikan (Andrew P. Johnson, 2014). Umat Islam dikatakan memiliki nilai tambah apabila berjaya menyediakan suatu bentuk alternatif yang lain bagi menggantikan stimulus sedia ada kepada mereka yang terkesan dengan pemberian yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi. Sumbangan yang disalurkan akan menimbulkan suatu bentuk penerimaan dalam kalangan asnaf untuk berubah ke arah pembaharuan sikap yang lebih baik.

Dalam psikologi, tahun-tahun terawal kelahiran merupakan tempoh kritikal kepada pembentukan psikologi seseorang. Menurut Sigmund Freud (1962), tingkah laku manusia ditentukan oleh corak pemikiran, perasaan kebimbangan dan pengharapan secara tidak sedar yang melatari perilaku normal atau tidak normal seseorang (Eric Rucks, 2015). Kerisauan dan kekhuatiran hidup yang selama ini cukup sinonim dengan golongan asnaf akan kekal sepanjang hayat jika tidak dirawat. Sejajar dengan itu, kitaran hidup sedemikian mesti dinokhtahkan dengan memperuntukkan segala kelengkapan asas bagi keluarga-keluarga dhaif yang ditemui melalui suatu penstrukturan badan dakwah yang terancang. Usaha sama dan sinergi yang terbentuk bersama badan-badan kerajaan dan swasta dapat menyediakan kehidupan yang lebih selesa bagi menyokong tumbesaran anak-anak mereka di samping meningkatkan taraf hidup untuk jangka masa panjang.

Pendidikan formal amat penting bagi menyokong proses pemikiran seseorang. Dengan itu, bagi menyokong perkembangan psikologi, penekanan yang sepatutnya wajar diberikan kepada proses-proses mental, untuk membolehkan seseorang individu belajar serta mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diperoleh (Clint Grider, 1993). Urusan persekolahan anak-anak asnaf perlu diutamakan bagi membolehkan mereka berfikir secara kritis dan kreatif, menganalisis, menaakul dan menyelesaikan masalah. Setiap orang Islam perlu peka dengan keadaan masyarakat di sekeliling agar anak-anak yang kurang bernasib baik dapat diuruskan persekolahan mereka dan dididik dalam arus pendidikan perdana. Pengalaman semasa di alam persekolahan berpotensi untuk membimbing anak-anak asnaf menghadapi cabaran yang lebih besar di hari muka. Tanpa pengalaman hidup yang secukupnya, mereka akan terdedah kepada pelbagai kesukaran ketika menginjak ke alam dewasa seperti melalui alam pekerjaan dan menguruskan kehidupan berumah tangga kelak.

Pendekatan psikologi juga amat bersesuaian untuk diaplikasikan apabila Hirarki Keperluan Maslow seseorang menghadapi masalah. Pemupukan nilai-nilai agama hanya akan bertemu dengan titik kemajuan apabila keperluan asas seseorang berjaya disempurnakan. Kepedulian terhadap kemaslahatan orang lain amat berkait rapat dengan soal keimanan. Rasulullah SAW bersabda,

Terjemahan: “*Tidak termasuk orang yang beriman, orang yang kenyang sementara jiran tetangganya kelaparan.*” (Riwayat al-Tabarani, no. Hadith 12579)

Suasana hidup bermasyarakat akan menjadi lebih bermakna sekiranya semua individu Muslim bersatu hati dan mempraktikkan tingkah laku mithali. Kesedaran bahawa setiap insan mempunyai potensi untuk dibangunkan amat penting agar tiada seorang pun yang dipinggirkan dalam manhaj dakwah semasa. Aspek psikologi yang berjaya dibentuk dengan acuan Islam akan dapat melahirkan suatu ummah yang dapat menegakkan syariatullah di atas muka bumi.

Kesimpulan

Perbincangan tentang dakwah sememangnya tidak dapat lari daripada skop psikologi yang menyentuh mengenai hakikat sebenar insan yang diciptakan sebagai khalifah di muka bumi ini.

Justeru, umat Islam perlu mengubah persepsi dan bersedia menjalani transformasi watak dan pembawakan sebagai pendakwah agar sentiasa dekat dengan masyarakat setempat. Titik persefahaman sesama penganut agama yang berlainan dapat diwujudkan apabila dorongan psikologi yang kuat berjaya dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Usaha dakwah secara individu atau melalui mana-mana mekanisme organisasi dakwah yang berdaftar di negara kita masing-masing mempunyai impak tersendiri untuk meramaikan golongan saudara baru dalam komuniti Muslim sedia ada. Tanpa mengabaikan kemaslahatan golongan asnaf, bantuan diberikan seikhlas hati sebagai salah satu kewajipan dakwah kepada saudara Muslim yang lain. Dengan sokongan yang diberikan akan dapat melestarikan kehidupan mereka ke arah yang lebih baik dan lebih produktif.

Dakwah yang bersifat holistik ini amat diperlukan dalam menghadapi cabaran dunia modenisasi supaya pembentukan sebuah masyarakat Muslim yang dinamik dan seimbang dari sudut duniawi dan ukhrawi dapat direalisasikan. Dakwah tanpa psikologi tidak akan menatijahkan hasil sementara psikologi tanpa dakwah ibarat menafikan fitrah kejadian manusia itu sendiri. Psikologi membantu manusia untuk memahami fitrah kejadian dirinya dari sudut jasmani sementara dakwah pula membangunkan sudut spiritualnya bagi menjalankan tugas *amar makruf*

dan *nahi mungkar* yang disesuaikan dengan peranannya sebagai khalifah Allah di alam ini. Secara tuntasnya, psikologi dan dakwah saling melengkapi antara satu sama lain manakala dakwah terhadap saudara baru harus diseimbangkan dengan dakwah kepada golongan asnaf dalam rangka melestarikan umat Islam secara menyeluruh dan harmoni.

Rujukan

Al-Quranul Karim, terj. Abdullah Muhammad Basmeih. (2022) *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (ed. Muhammad Nor Ibrahim). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abdul Karim Zaidan. (1992). *Usul Al-Dakwah*. Dar al-Wafa'.

Ahmad Sonhadji Mohd Milatu. (1989). *Juz 4 Tafsir Al-Quran*. (p. 45-50). Pustaka Al-Mizan.

Andrew P. Johnson. (2014). *Education Psychology: Theories of Learning and Human Development*. Washington, DC: National Science Press.

Anuar Puteh. (2005). *Masa Depan Saudara Baru. Harapan, Realiti & Cabaran* (p.30). Penerbit Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azizul Azra Abdul Razak & Mohd. Hisyam Abdul Rahim. (2018). *Falsafah Dakwah Bil Hal: Menurut Perspektif Al-Quran*. (p. 1-7). Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, e- ISSN: 2289-8042. Pusat Pengajian Umum & Ko-kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Clint Grider. (1993). *Foundations of Cognitive Theory: A Concise Review*. Diakses 1 Mac 2022, <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED372324.pdf>

Eric Rucks. (2015). *Sigmund Freud's Theories of Personality*. Diakses 1 Mac 2022, <http://www.polsci.tu.ac.th/sigmund1.pdf>

- Fuadah Johari. (2004). *Keberkesanan Zakat dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Moh. Ali Aziz. (2004). *Ilmu Dakwah* (p.10). Prenada Media.
- Mohd Nazif Badruddin. (2017). *Analisis Mesej Dakwah Islamiah Dalam Halaman Facebook*. (Tesis Sarjana). Universiti Utara Malaysia.
- Norzita Jamil dan Siti Halijah Che Mat. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. Pusat Pengajian Ekonomi dan Kewangan, UUM.
- Nurazynie Herman. (2019). *Kemiskinan Multi Dimensi: Pengkategorian Kemiskinan Golongan B40 Di Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang*. (Tesis Sarjana). Universiti Sains Malaysia, Gelugor.
- Olusola Ayandele. (2016). *Basic Psychology*. Ibadan, Nigeria: Hope Publications Ltd.
- Very Well Mind. (2024, 2 April). *Maslow's Hierarchy of Needs*. <https://www.verywellmind.com/what-is-maslows-hierarchy-of-needs-4136760>